

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld 2 ( 5 )

11 Oktober 2022  
14 Rabiulawal 1444

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL.38/2022

### PEMAKLUMAN MAJLIS KONVOKESYEN KE-66 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dimaklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor telah berkenan untuk mengadakan Majlis Konvokesyen ke-66 Universiti Teknologi Malaysia pada **19 November 2022 sehingga 23 November 2022** iaitu bersamaan dengan 24 Rabiulakhir 1444 sehingga 28 Rabiulakhir 1444.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 15/2022 pada 9 Ogos 2022 telah menetapkan bersempena dengan Majlis Konvokesyen ini, semua Ketua Pusat Tanggungjawab adalah diminta untuk menangguhkan sebarang majlis di dalam kampus pada tarikh berkenaan. Jika terdapat sebarang program/aktiviti yang tidak dapat ditangguhkan, Ketua Pusat Tanggungjawab perlulah mendapatkan kelulusan penganjurannya daripada Pendaftar.

3. Keputusan ini adalah bagi meraikan kejayaan graduan dan para tetamu yang hadir. Semua Ketua Pusat Tanggungjawab juga diminta memberikan kerjasama untuk membenarkan staf bertugas bagi tujuan Majlis Konvokesyen tersebut. Ahli Senat dan Staf Akademik yang dijemput untuk meraikan majlis ini dan diharap tidak berhalangan untuk hadir bagi melaksanakan amanah yang diberikan.

4. Semua warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum dan memberikan komitmen sepenuhnya sepanjang Majlis Konvokesyen ke-66 Universiti Teknologi Malaysia berlangsung.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)**

Pendaftar

s.k. - Naib Canselor

- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
- Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
- Pengarah UTM Kampus Pagoh
- Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah